

oleh Zulaini Ismail



Sasaran Malaysia sebagai Hab Industri Herba

PENGGUNAAN herba bermula sejak awal ketamadunan manusia kerana sumber herba menjadi bahan asas yang digunakan dalam kehidupan sebagai sumber makanan, minuman, penambah kecantikan serta pewangi. Sementara itu, penggunaan herba sebagai ubat-ubatan turut melalui sejarah yang panjang, bermula sejak tamadun Greek di Barat hinggalah tamadun Arab, China dan India di Timur. Namun demikian, apabila dunia menemukan perubatan moden yang lebih canggih, manusia mula beralih arah hingga perubatan berasaskan herba semakin diiktiraf, sungguhpun tidak diketepikan secara tuntas.

Walau bagaimanapun, sebelum membuka tirai alaf ke-21, produk perubatan dan kesihatan berasaskan herba sudah mula menarik perhatian banyak orang, khususnya dalam kalangan masyarakat yang lebih berpendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengguna mahu beralih

arah kepada kaedah perubatan yang berasaskan alam semula jadi, berbanding dengan penggunaan ubat-ubatan moden yang mempunyai kesan sampingan.

Berdasarkan perkembangan tersebut, berlaku peningkatan corak dalam kalangan pengguna kini yang cenderung berubah daripada menggunakan perubatan sintetik kepada perubatan herba. Antara punca perubahan ini termasuklah faktor keutamaan terhadap perubatan kesihatan yang bersesuaian dan yang dapat dikendalikan sendiri, tersebabnya banyak penyakit kronik yang tidak boleh disembuhkan oleh ubat konvensional dan corak kehidupan yang pantas, termasuk peningkatan tekanan dan kurangnya masa rehat.

Ekoran perkembangan itu, industri herba dunia mula mengalami renaisans dan menyaksikan pertumbuhan pasaran yang bernilai sekitar AS\$40 bilion (RM171.78 bilion) hingga AS\$200 bilion (RM858.90 bilion) dengan purata pertumbuhan tahunan sekitar 15 peratus hingga 20 peratus. Berdasarkan potensi saiz pasaran produk berasaskan herba dan perubatan herba khususnya, adalah penting bagi Malaysia untuk membangunkan industri warisan herbanya.

Dengan perkembangan positif itu juga, sudah pasti Malaysia sebagai salah sebuah negara yang kaya dengan sumber herba semula jadi yang mempunyai lebih daripada 20 ribu spesies tumbuhan herba, tidak mahu ketinggalan untuk sama-sama merencanakan industri antarabangsa yang mampu memacu pendapatan negara. Malaysia yang berada di tangga ke-12 dalam senarai negara yang mempunyai pelbagai sumber alam semula jadi atau sumber biodiversiti di dunia dan di tangga yang keempat di Asia dari segi jenis tumbuhan berbunga dan lebih 3000 spesies tumbuhan yang mempunyai nilai perubatan, harus memaksimumkan usaha yang lebih proaktif supaya impian untuk menjadi hab industri herba dapat direalisasikan.

Pada masa ini, pasaran bagi herba dan produk semula jadi di Malaysia dianggarkan bernilai lebih daripada RM10 bilion dengan 80 peratus daripada bahan mentah masih lagi diimport. Peserta industri herba domestik perlu lebih giat meneroka sumber biodiversiti yang dimiliki hutan beriklim khatulistiwa di negara ini, di samping memperkasakan usaha penyelidikan dan pembangunan herba yang mempunyai nilai komersial yang tinggi.

Hal ini dikatakan demikian kerana pasaran yang besar bagi produk berasaskan sumber herba menjanjikan permintaan yang tinggi. Sama ada untuk pasaran domestik mahupun pasaran global. Faktor pendorong utama dalam pasaran domestik Malaysia ialah perubahan cara hidup, keutamaan bagi penjagaan kesihatan dan peningkatan kos bagi perubatan sintetik.

Oleh hal yang demikian, peserta industri perlu mengambil kesempatan melalui kekuatan dan kelebihan yang terdapat di negara ini untuk membangunkan industri herba, bukan sahaja untuk meningkatkan tahap ekonomi, tetapi juga untuk meningkat tahap kesihatan. Dengan memanfaatkan lebih daripada 2000 spesies yang dikenal pasti sebagai tumbuhan yang berpotensi untuk dimajukan dalam industri perubatan herba, negara menyasarkan untuk meletakkan Malaysia sebagai hab industri herba di peta dunia.

Pada April 2011, kerajaan mengumumkan untuk melaburkan RM110 juta untuk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dalam usaha menjadikan wilayah itu sebagai hab industri

herba Malaysia menerusi pembangunan empat buah ladang herba. Projek yang berimpak tinggi dan bernilai tambah itu dijangka berupaya menandakan Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak AS\$1.016 bilion (RM4.36 bilion) dan mewujudkan 2500 peluang pekerjaan baharu serta melahirkan 530 orang pekebun kontrak menjelang tahun 2020.

ECER kini sememangnya sudah bersedia untuk memainkan peranan utama dalam industri herba yang bakal menarik pelaburan bagi aktiviti hulu, pertengahan dan hiliran. Di samping itu, ECER dikenal pasti sebagai pelaksanaan utama bagi membangunkan industri herba di bawah Projek Permulaan (EPP) berdasarkan Model Baru Ekonomi (MBE) negara, sekali gus menyokong usaha kerajaan untuk mencapai status negara maju dan ke arah negara berpendapatan tinggi.

Pelaksanaan taman herba itu telah mengukuhkan kedudukan ECER sebagai pusat kecemerlangan industri yang mapan dan berdaya maju dalam industri herba. Pada masa yang sama, peserta industri herba yang mempunyai kepentingan dalam industri herba disarankan meneroka peluang dan mengambil bahagian dalam pembangunan kelompok herba serta bioteknologi di wilayah terbabit.

Peserta industri herba turut digalakkan untuk memanfaatkan Taman Halal ECER di Pahang dan Kelantan bagi menghasilkan produk herba yang mempunyai pensijilan halal untuk memenuhi pasaran global. Bagi memastikan Malaysia dapat mencapai sasaran untuk muncul sebagai hab industri herba, menurut Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), pembangunan industri herba di ECER menggunakan pendekatan bersepadu dengan mengambil kira keseluruhan rantaian nilai dalam industri yang dibangunkan.

Melalui langkah bersepadu yang diberikan penekanan khusus oleh ECERDC, diyakini bahawa pendekatan ini berupaya membantu mempercepat pembangunan industri herba dan bioteknologi di ECER, menggalakkan pertumbuhan ekonomi

Pelaksanaan taman herba itu telah mengukuhkan kedudukan ECER sebagai pusat kecemerlangan industri yang mapan dan berdaya maju dalam industri herba.

Pasaran bagi herba dan produk semula jadi di Malaysia dianggarkan bernilai lebih daripada RM10 bilion dengan 80 peratus daripada bahan mentah masih lagi diimport.



di kawasan luar bandar, selain meningkatkan peluang pekerjaan dan keusahawanan. Dengan wujudnya sistem perladangan herba yang bernilai tinggi, hal ini dapat menjamin kesediaan bahan mentah dan selari dengan hala tuju Malaysia untuk menjadi peneraju pengeluaran nutrasetikal dan ubat-ubatan botani bawah Program Transformasi Ekonomi (PTE). Untuk memastikan hal ini dapat direalisasikan, fasa pertama projek Kelompok Herba ECER melibatkan pembangunan Ladang Herba di Pasir Raja, Dungun dan Chegar Perah, Lipis dengan masing-masing seluas 406 hektar dan 327 hektar. Sementara itu, fasa kedua projek pula merangkumi pembangunan Ladang Herba di Durian Mentangau, Dungun dan Rantau Manis, Gua Musang, seluas 151 hektar dan 323 hektar.

Syarikat induk yang dilantik kelak akan menikmati pelbagai insentif yang diberikan oleh kerajaan melalui ECERDC.

Kedua-dua fasa tersebut memperlihatkan kesungguhan negara untuk membangunkan wilayah tersebut sebagai hab industri herba dengan memberikan fokus terhadap produk farmasi, nutrisi dan bioteknologi bernilai tinggi yang dihasilkan untuk pasaran eksport. Dalam pembangunan taman herba di ECER, ECERDC mengenal pasti 10 herba yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan dan

mempunyai pasaran yang sangat besar, terutama dalam bidang nutrasetikal dan fitoperubatan.

Herba yang dimaksudkan ialah dukung anak atau nama saintifiknya *Phyllanthus niruri*, hempepu bumi (*Andrographis paniculata*), misai kucing (*Orthosiphon aristatus*), kaciap fatimah (*Labisia pumila*), tongkat ali (*Eurycoma longifolia*), roselle atau asam paya (*Hibiscus sabdariffa*), noni (*Morinda citrifolia*), halia (*Zingiber officinale*), lemon myrtle (*Backhousia citriodora*) dan gaharu (*Aquilaria brachyantha*). Semua 10 jenis herba ini adalah selaras dengan tumbuhan keutamaan herba yang telah disenaraikan di bawah PTE.

Bagi mendukung usaha kerajaan melalui PTE, langkah mewujudkan kesedaran tentang potensi dan peluang yang dapat diteroka dalam industri herba di ECER, ECERDC dengan kerjasama Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), menganjurkan simposium antarabangsa yang pertama, iaitu "Peluang-peluang Pelaburan dan Perniagaan dalam Industri Herba". Simposium yang berlangsung pada tahun 2011 dan dihadiri hampir 200 orang peserta dari dalam negara dan luar negara memberikan penekanan terhadap peluang pelaburan yang wujud dalam kelompok herba dan bioteknologi di ECER.

Untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam projek tersebut, ECERDC melantik syarikat induk yang bakal menjadi peneraju bagi aktiviti perniagaan dalam rantaian nilai kelompok herba di ECER. Syarikat induk yang dilantik kelak akan menikmati pelbagai insentif yang diberikan oleh kerajaan melalui ECERDC. Antara insentif yang disediakan termasuklah pengecualian cukai selama 10 tahun, efektif berkuatkuasa dari tarikh syarikat berkenaan mula memperoleh keuntungan.

Sementara itu, dalam perjanjian komersial strategik antara syarikat induk dengan ECERDC, syarikat induk yang terpilih perlu memberikan latihan kepada pekebun kontrak dan pekebun satelit yang bakal melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP). Hal ini bagi memastikan pekebun kontrak dan pekebun satelit yang mengikuti program latihan mampu mengaplikasikan teknik pertanian berasaskan GAP bagi mengeluarkan hasil yang produktif dan tinggi nilainya, sekali gus dapat mengurangkan bergantung kepada sumber herba import. ●